

**RUNTUHNYA TEMBOK KHAIBAR KEBANGGAAN YAHUDI**

4 Mac 2015M/ 24 Jamadilawal 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَتْ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ

الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيَّامِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah bersama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengamati perjalanan Rasul-rasul yang terdahulu. Mengetahui dan meneliti kisah itu dapat menambah keimanan dan hidayah kepada Allah SWT. Disamping sebagai panduan kepada kita untuk meneladani perkara kebaikan yang dilakukan oleh golongan terdahulu dan meninggalkan perkara yang dimurkai oleh Allah SWT. Firman Allah SWT didalam surah Yusuf ayat 111 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi:

Maksudnya: Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (kisah Nabi-nabi yang terkandung Dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.



Justeru, khatib ingin mengajak sidang Jemaah sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk “**Runtuhnya Tembok Khaibar Kebanggaan Yahudi**”.

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Pada akhir muharam tahun ke 7 Hijrah, Rasulullah SAW membawa ribuan tentera untuk menyerang Kota Khaibar. Menurut Syeikh Dr Mustafa As-Sibaie di dalam Sirah Nabawiyah; “Peperangan Khaibar tidak didorong oleh keghairahan melulu bahkan tindakan ini diambil setelah golongan Yahudi Khaibar menghasut Yahudi Bani Quraizah untuk membelot dan mengkhianati perjanjian bersama Rasulullah SAW malah merancang membunuh Baginda”.

Khaibar, dikenali sebagai sebuah kawasan lembah yang besar dan subur didiami oleh penduduk Yahudi. Khaibar juga adalah pusat ketenteraan dan provokasi untuk membangkitkan semangat permusuhan kepada Islam. Ia juga digelar syurga bagi kaum Yahudi. Dari sudut geografinya, Khaibar terbahagi kepada dua bahagian, lima kubu berada di bahagian pertama dan tiga kubu berada di bahagian kedua. Kedudukan kubu ini sangat strategik kerana berada di atas bukit. Seramai kira-kira 1400 orang sahabat RAnhum keluar untuk menyertai misi ini. Semua yang mengikuti Nabi SAW hanya mereka yang benar-benar ingin berjihad sahaja.

Permulaan kubu yang digempur oleh tentera Islam ialah bahagian pertama Khaibar di kubu Naim sehingga ke sebelah Al-Natah dan Al-Syiqq. Selepas berjaya membuka kubu yang terdapat di bahagian pertama, Rasulullah SAW beralih menuju ke bahagian kedua Khaibar di Al-Katibah. Semua tentera Yahudi yang tewas dibahagian pertama melarikan diri ke bahagian ini dan bertahan di kubu tersebut. Rasulullah SAW mengepung kubu ini selama lebih dari sepuluh hari sehingga penduduk kubu tersebut tunduk untuk berdamai dengan syarat darah pejuang mereka terpelihara dan zuriat mereka tidak dijadikan tawanan. Mereka juga bersetuju menyerahkan kepada Rasulullah SAW segala harta benda, tanah, emas, perak dan lain-lain perhiasan melainkan kain baju yang dipakai.

Walau bagaimanapun, dua orang anak Abu Al-Huqayq telah memungkirkan perjanjian ini dengan menyembunyikan harta dan barang perhiasan yang banyak milik Huyai



bin Akhtab. Rasulullah SAW mengarahkan supaya digeledah kawasan persembunyian itu dan menemui beberapa harta orang Yahudi. Lalu Baginda SAW menyuruh dibunuh mereka berdua kerana mengkhianati perjanjian ini. Perdamaian ini menyaksikan runtuhnya tembok kebanggaan Yahudi dan bermulanya peradaban baru Islam di semenanjung arab.

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Berkata Ibnu Khaldun dalam Muqaddimah; “Melalui pengamatan sejarah kita dapat mempelajari perihal sunnatullah”. Beberapa perkara yang dapat diteladani melalui sejarah Khaibar diantaranya:

Pertama: Dakwah adalah matlamat utama Islam

Peperangan Khaibar bertujuan untuk mengembangkan dakwah Islam terutama bagi memelihara kesucian Islam. Islam hadir membawa kebaikan untuk seluruh manusia dan sekalian alam. Inilah peranan Islam dan sudah tentu jauh sekali sebagai agama yang memecahbelahkan manusia sebagaimana yang didakwa oleh musuh Islam.

Inilah tanggungjawab utama umat Islam sepertimana pesanan Rasulullah SAW sewaktu menyerahkan panji bendera Islam kepada Saidina Ali RA. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Sahl bin Saad Al-Saidi RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

انْفِذْ عَلَى رِسْلِكَ حَتَّى تَنْزِلَ بِسَاحَتِهِمْ ثُمَّ ادْعُهُمْ إِلَى الْإِسْلَامِ وَأَخْبِرْهُمْ بِمَا يَجِبُ عَلَيْهِمْ فَوَاللَّهِ
لَأَنْ يَهْدِيَ اللَّهُ بِكَ رَجُلًا خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ يَكُونَ لَكَ حُمْرُ النَّعَمِ

Maksudnya: “Jalankan tugasmu, teruskan perjalanan. Sehingga berada di halaman mereka, kemudian ajak mereka kepada Islam. Sampaikan kepada mereka kewajiban yang perlu mereka tunaikan kepada Allah. Demi Allah, sesungguhnya kejayaanmu menjadikan seseorang itu mendapat petunjuk sehingga menjadi Islam adalah lebih baik daripada binatang unta yang berwarna merah (binatang yang paling mahal harganya).”

Kedua: Memelihara kebenaran dengan kekuatan



Nabi Muhammad SAW telah meletakkan batu asas yang cukup kukuh dalam pemerintahan dan pentadbiran Negara. Namun, perjanjian perdamaian itu telah dikhianati oleh golongan Yahudi. Atas dasar ini, Rasulullah SAW mengerahkan para sahabat untuk melakukan penaklukan ke atas kota Khaibar sebagai suatu bimbingan dan amaran kepada Yahudi Khaibar khususnya dan amnya kepada semenanjung Arab.

Islam sangat menganjurkan keamanan namun sangat bertegas dalam soal memelihara perjanjian dan melaksanakan segala kehendak perjanjian. Islam juga membenarkan tindakan dengan kekuatan sekiranya agama ini dipermainkan oleh musuh Islam sewenang-wenangnya tetapi mestilah berpaksikan keadilan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Anfal ayat 58:

وَأَمَّا تَخَافُكَ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةٌ فَأَنْذِرْ لَهُمْ عَلَىٰ سَوَاءٍ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْخَائِنِينَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: "Dan jika Engkau mengetahui adanya perbuatan khianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu) maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat."

Ketiga: Sikap Yahudi

Sejarah telah membuktikan Yahudi terkenal dengan sikap sering melakukan kerosakan di atas muka bumi ini. Semuanya kerana hasad, dengki dan kebencian melampau terhadap Islam. Perancangan demi perancangan dilakukan untuk memastikan umat Islam mengikuti jejak mereka dan terus lenyap daripada muka bumi Allah ini.

Pada hari ini, mereka merencana pelbagai gagasan dan slogan sebagai usaha memisahkan agama daripada umat Islam seperti hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan, LGBT iaitu Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender, Islamophobia iaitu menanam rasa takut orang bukan Islam pada Islam dan lain-lain lagi. Malangnya! serangan berterusan ini menyebabkan sekelompok umat Islam khususnya di Negara ini merasa selesa dan



setuju dengan mereka. Hasilnya, kita juga menghadapi cabaran umat Islam yang mula hilang keyakinan pada Islam di samping musuh-musuh yang sedia ada. Segala kejadian yang berlaku ini telah diberitakan oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Said Al Khudri RA:

لَتَتَّبِعَنَّ سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ شَبْرًا بِشَبْرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ حَتَّىٰ لَوْ سَلَكَوا بَحْرَ ضَبٍّ لَسَلَكَتُمُوهُ. قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ؟ قَالَ: فَنَنْ؟

Maksudnya: "Kamu akan mengikut jejak langkah umat-umat sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga jikalau mereka masuk ke lubang biawak pun kamu akan mengikutinya mereka". Sahabat bertanya, "Ya Rasulullah! Apakah Yahudi dan Nashrani yang kau maksudkan?". Nabi SAW menjawab, "Siapa lagi kalau bukan mereka".

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Demikianlah perjalanan sejarah Islam, ia sangat berbeza dengan kefahaman sempit yang ditonjolkan oleh musuh Islam. Sebaliknya Islam merangkumi segala aspek kehidupan dan sentiasa mengutamakan kepentingan manusia. Asas inilah yang difahami oleh generasi terdahulu sehingga dapat menyelamatkan mereka dari musuh-musuh Islam malah membantu mengukuhkan perpaduan umat ini. Allah SWT telah mengurniakan kepada kita Al-Quran sebagai panduan lengkap kehidupan. Carilah hikmah di dalamnya melalui ilmu dan amal soleh. Selagimana kita jauh daripada roh Islam kita akan berpecah dan mudah dipermainkan oleh musuh-musuh Islam. Sedarlah! sebelum tergadainya kesucian agama dan maruah ummah.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengingatkan para Jemaah sekalian kepada beberapa perkara:

Pertama: Dengan mengamati setiap perjalanan kehidupan Rasulullah SAW, akan menambahkan rasa kecintaan kepada Baginda dan meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT.



Kedua: Penaklukan kota Khaibar adalah bertujuan memelihara dakwah Islam, menjaga kesejahteraan dan menunaikan tanggungjawab yang lebih besar iaitu membimbing manusia ke arah jalan yang benar.

Ketiga: Golongan Yahudi akan sentiasa mencari peluang untuk menyesatkan umat Islam. Hasilnya, segala maruah, akhlak dan kepentingan kita terdakai jika kita mengikutinya. Al-Quran adalah penyelamat kita daripada tipu daya Yahudi dan musuh-musuh Islam. Carilah hikmah di dalamnya melalui ilmu dan amal soleh.

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Zukhruf ayat 43-44:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَأَسْتَمِمْكَ بِالَّذِي أَوْحَىٰ إِلَيْكَ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٤٣﴾ وَإِنَّهُ لَذِكْرٌ لَّكَ وَلِقَوْمِكَ ۖ وَسَوْفَ تُسْأَلُونَ

﴿٤٤﴾

Maksudnya: "Dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada Al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus. Dan sesungguhnya al-Quran itu memberikan kemuliaan dan peringatan kepadamu (Wahai Muhammad) dan kepada kaummu; dan kamu akan ditanya kelak (tentang isi kandungannya yang kamu telah amalkan).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
فَأَسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاسِ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَنَبِيٍّ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَغِ
الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي اِكْوَغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai,



teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.